

E-NEWSLETTER

Memperkasa Keselamatan Siber, Melindungi Generasi Digital

OGOS 2025

VOL 08

 AI & DEEPFAKE: ANCAMAN SIBER BAHARU

Kecerdasan buatan (AI) kini digunakan untuk menghasilkan deepfake – video dan audio palsu yang kelihatan meyakinkan. Ia digunakan dalam penipuan kewangan, penyebaran maklumat palsu dan serangan reputasi. Menurut Europol 2025, kes penipuan deepfake meningkat lebih 40%. Di Malaysia, CyberSecurity Malaysia turut mengingatkan tentang scammer yang meniru suara ahli keluarga untuk memperdaya mangsa.

Tip: Jangan terus percaya panggilan yang minta maklumat sensitif. Sahkan melalui saluran lain dahulu.

Sumber: Europol (2025) – Deepfake Crimes on the Rise, CyberSecurity Malaysia (2025)



TIPS RINGKAS – BANK

- ✓ **Jangan Percaya Panggilan Minta OTP**
Bank tidak pernah minta OTP atau TAC melalui panggilan. Kalau ada yang minta, itu scammer.
- ✓ **Periksa Akaun Bank Secara Berkala**
Semak transaksi sekurang-kurangnya seminggu sekali supaya cepat kesan aktiviti pelik.
- ✓ **Guna Aplikasi Bank Rasmi Sahaja**
Muat turun aplikasi perbankan hanya dari App Store atau Google Play. Elak link luar atau APK palsu.
- ✓ **Elakkan Klik Link “Hadiah” atau “Kemas Kini Akaun”**
Penipu biasanya guna mesej palsu untuk pancing log masuk. Buka app bank terus jika ragu-ragu.



WEBINAR OGOS



Selamatkan Telefon Anda
Daripada Ancaman?

14 Ogos 2025 | Khamis | 3:00 pm – 4.30 pm



Kebenaran Menakutkan
Disebalik Dark Web

28 Ogos 2025 | Khamis | 3:00 pm – 4.30 pm



NADI X CYBERSECURITY DI HARI BERSAMA KOMUNITI

Hari Bersama Komuniti NADI Taman Pekan Baru pada 18 Julai 2025 (Jumaat) telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Dato’ (Dr.) Johari Bin Abdul, yang turut hadir memeriahkan acara bersama komuniti setempat. Program ini menampilkan booth NADI x Cybersecurity oleh SSO Cybersecurity, mempamerkan aktiviti keselamatan siber, kuiz interaktif kesedaran siber, dan perkongsian maklumat mengenai perlindungan data peribadi serta risiko siber harian. Booth ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung, dan YB Tan Sri Dato’ (Dr.) Johari Bin Abdul turut meluangkan masa meninjau pameran serta berinteraksi dengan pasukan Cybersecurity.



Sambutan yang hangat daripada komuniti setempat menunjukkan bahawa mesej keselamatan siber semakin diterima dan dihargai. NADI x Cybersecurity komited untuk terus turun padang, berkongsi ilmu dan menjadikan keselamatan digital sebagai sebahagian daripada gaya hidup harian.

MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI SEKIRANYA ANDA
MENJADI MANGSA JENAYAH SIBERPOLIS DIRAJA
MALAYSIA (PDRM)

- Pengadu boleh hadir ke balai polis berhampiran bagi pembukaan kes dengan laporan secara bertulis

TALIAN KASIH KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
(KPWK)

- Pengadu boleh menelefon talian 15999 yang dibuka 24 jam
- Menggunakan Aplikasi Whatsapp 019 - 2615 999

TALIAN BEFRIENDERS

- untuk sokongan moral, sila hubungi 03-76272929
sam@befrienders.org.my

CYBERSECURITY
MALAYSIA

- Laporan insiden: <https://aduan.cybersecurity.my>
- Talian bantuan: 1-300-88-2999
- E-mel: cyber999@cybersecurity.my

MAKLUMAT LANJUT :

📍 Lawati NADI berdekatan anda

✉ Email kepada : admin@msda.com.my